

1. Puan Norin menjalankan perniagaan secara _____ di kawasan rumahnya di Kampong Pualam.

- ☐ A kecil-kecilan
- ☐ B kegila-gilaan
- ☐ C kemalu-maluan
- ☐ D kehairan-hairanan

2. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Mak Lijah _____ pipi cucu kesayangannya itu.

- ☐ A membelek-belek
- ☐ B mengusap-usap
- ☐ C mencolek-colek
- ☐ D menggaru-garu

3. Mangsa bot karam itu ditemui _____ di pesisir pantai setelah dua hari pasukan bomba dan penyelamat melakukan gerakan mencari mangsa.

- ☐ A terolang-aling
- ☐ B terkapai-kapai
- ☐ C terapung-apung
- ☐ D terhuyung-hayang

4. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Pak Majid mengambil _____ yang dihulurkan oleh Leman kepadanya itu.

- ☐ A jejari
- ☐ B sesiku
- ☐ C tetupai
- ☐ D kekuda

5. Ibu memasak sup _____ ikan untuk adik.

- ☐ A bebola
- ☐ B kekabu
- ☐ C dedaun
- ☐ D bebenang

6. Wajah anak-anak Pak Udin _____ apabila melihat hasil tangkapan ikan yang dibelut. 

- ☐ A berseri-seri
- ☐ B berkilau-kilau
- ☐ C berpinar-pinar
- ☐ D berombak-ombak

7. Wanita itu _____ meminta tolong apabila beg tangannya diragut oleh pemuda yang menaiki motosikal itu.

- ☐ A terkial-kial
- ☐ B terjerit-jerit
- ☐ C terkinja-kinja
- ☐ D termangu-mangu

8. Saiful sentiasa mengingati _____ yang diberikan oleh ibu bapanya agar dia dapat menjadi insan yang berhemah tinggi.

- ☐ A nasihat-nasihat
- ☐ B laporan-laporan
- ☐ C cadangan-cadangan
- ☐ D pengumuman-pengumuman

9. _____ basikal Lee Keat yang patah itu sudah ditukar.

- ☐ A Bebenang
- ☐ B Tetupai
- ☐ C Sesiku
- ☐ D Jejari

10. Yong Sheng dibawa ke klinik kerana dia _____ selepas makan mihun goreng di sebuah gerai di tepi jalan raya.

- ☐ A tidur-tidur
- ☐ B gelak-gelak
- ☐ C baring-baring
- ☐ D muntah-muntah

11. Rusdi _____ semasa mencari cacing di bawah rumahnya untuk dijadikan umpan.

- ☐ A terjerit-jerit
- ☐ B tertoleh-toleh
- ☐ C tercungap-cungap
- ☐ D terbongkok-bongkok

12. Majlis perkahwinan selebriti terkenal yang diadakan secara _____ itu mendapat liputan meluas media massa.

- ☐ A mati-matian
- ☐ B buat-buatan
- ☐ C habis-habisan
- ☐ D besar-besaran

13. Rosni menangis _____ semasa dimarahi oleh Cikgu Balkish.

- ☐ A terjerit-jerit
- ☐ B teresak-esak
- ☐ C terangguk-angguk
- ☐ D tersengguk-sengguk



14. Beberapa ekor _____ berterbangan dan hinggap pada sekuntum bunga.

- ☐ A lelabi
- ☐ B kekura
- ☐ C rerama
- ☐ D jejentik

15. Farah _____ bahawa dia tidak tahu apa-apa tentang rakannya yang ponteng sekolah apabila dia ditanya oleh guru kelasnya itu.

- ☐ A beria-ia
- ☐ B berura-ura
- ☐ C berkira-kira
- ☐ D berpura-pura

16. Salmiah _____ bayi yang berada di pangkuan Jururawat itu.

- ☐ A menguli-uli
- ☐ B memicit-micit
- ☐ C mengacu-acu
- ☐ D mengagah-agah

17. Azli mengutip _____ yang bertabur di atas lantai itu kerana berbahaya kepada adiknya jika tertelan.

- ☐ A jam-jam loceng
- ☐ B kad-kad manila
- ☐ C beg-beg tangan
- ☐ D wang-wang syiling

18. Azam _____ semasa menjawab pertanyaan ibunya yang menegurnya ketika dia pulang lewat malam.

- ☐ A teresak-esak
- ☐ B tergagap-gagap
- ☐ C tercungap-cungap
- ☐ D tercengang-cengang

19. Penduduk di taman perumahan itu sentiasa _____ ketika menjalankan sesuatu aktiviti.

- ☐ A kunjung-mengunjungi
- ☐ B hormat-menghormati
- ☐ C bahas-membahas
- ☐ D bantu-membantu

20. _____ ialah haiwan yang mempunyai cengkerang dan berjalan amat perlahan.

- ☐ A Tetikus
- ☐ B Kekura
- ☐ C Kekuda
- ☐ D Rerama